

Kekalkan kawasan hutan

UB 28.5.2014 A8

► Sambutan perhutanan sedunia UMS terap budaya prihatin

Oleh S.CONNIE
PEARL SUIL

KOTA KINABALU: Penglibatan aktif Universiti Malaysia Sabah (UMS) menerusi sambutan Hari Perhutanan Sedunia mampu menerap budaya prihatin dalam kalangan warga kampus untuk mengekalkan kepentingan kawasan hutan yang sedia ada.

Naib Canselor Prof Datuk Dr Mohd Harun Abdullah berkata, usaha yang dijalankan menerusi Sekolah Perhutanan Tropika Antarabangsa (SPTA) itu adalah sejajar dengan amalan mulia dalam bersama-sama menerapkan budaya sayang terhadap hutan.

Katanya, SPTA juga terlibat dalam pelbagai usaha murni dalam penanaman pokok di samping menjemput pelajar sekolah rendah ke UMS bagi memperkenalkan aktiviti berkaitan dengan amalan alam sekitar serta penjagaan hutan.

“Sementara itu, di peringkat UMS, kita

cadangkan setiap warga dapat menanam sebatang pokok setiap tahun serta diikuti dengan setiap satu pokok lagi sempena hari lahir.

“Sekiranya ini dapat dilakukan, slogan eko kampus akan menunjukkan kesan dampak dalam beberapa tahun akan datang,” katanya dalam ucapan perasmianya sempena Sambutan Hari Perhutanan Sedunia peringkat UMS, di sini kelmarin.

Teks ucapannya disampaikan oleh Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi Prof Dr Shahril Yusof.

Harun berkata, dianggarkan sebatang pokok yang ditanam dapat menyerap kira-kira satu tan karbon dioksida semasa hayatnya.

“Bayangkan dengan 300 batang pokok yang ditanam, ia umpama dapat mengimbangi pencemaran yang dilakukan oleh seorang individu dalam seumur hidupnya,” katanya.

Dalam pada itu, seramai 170 peserta daripada badan

bukan kerajaan (NGO), korporat dan Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Badin Tuaran turut menyertai larian hutan 2014.

Aktiviti sempena sambutan perhutanan termasuk pertandingan

mewarna turut disertai beberapa buah sekolah rendah sekitar Kota Kinabalu iaitu SK Tebobon Menggatal, SK Koporingan, SK Melawa dan SK Poring-Poring.

Pada majlis itu, Shahril turut menyaksikan

upacara menandatangani surat hasrat antara SPTA dengan Tropical Rainforest Conservation & Research Centre Bhd, G&G

Management Consultant Sdn Bhd dan Sabahpuri Nursery SBH.

Turut hadir, Dekan SPTA Dr Normah Awang Besar @

Raffie, Pengerusi Sambutan Hari Perhutanan Sedunia 2014 Dr Berhaman Ahmad dan tetamu kehormat yang lain.



WAKIL daripada Tropical Rainforest Conservation & Research Centre Bhd, G&G Management Consultant dan Sabahpuri Nursery SBH merakamkan gambar kenangan bersama Shahril (enam kiri), Normah (lima kiri) dan Berhaman (empat kiri).



PERASMIAN Hari Perhutanan Sedunia disempurnakan menerusi penanaman pokok gaharu oleh Shahril bersama dengan tetamu kehormat yang lain